

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DATIN PADUKA  
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI  
SEMPENA PERASMIAN BENGKEL KOPERASI INDUSTRI  
KAMPUNG (PERUSAHAAN TEMBIKAR)  
DI KAMPUNG TANJUNG BIDARA, PARIT, PERAK  
PADA HARI JUMAAT, 14HB. MAC, 1986  
PUKUL 10.00 PAGI

---

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa  
Penyelaras Industri Kampung dan  
Karyaneka Negeri Perak;

Yang Berhormat-Yang Berhormat;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian;

Saya terlebih dahulu mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dapat hadir bersama-sama di Majlis yang permai ini. Di sini juga saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Koperasi Industri Kampung Tanjung Bidara, Pulau Tiga, Parit, kerana sudi menjemput saya bagi merasmikan projek perusahaan tembikar pada hari ini.

2. Saya juga mengambil kesempatan pada hari ini, untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penduduk di kawasan ini, khususnya kepada pengusaha-pengusaha tembikar yang mengambil daya usaha, untuk bersatu tenaga dalam menubuhkan Koperasi Industri . Kampung bagi tujuan

meningkatkan aktiviti masyarakat di kampung-kampung di sini dalam usaha yang boleh mendatangkan faedah dan menambahkan pendapatan penduduk-penduduk kampung.

3. Sebagai penduduk Negeri Perak, kita haruslah berbangga kerana Negeri Perak memang terkenal dengan 'Labu Sayong', bukan sahaja di dalam negeri, malah di luar negeri. Labu Sayong ini sedia terkenal dengan identitinya tersendiri dan sentiasa dipamerkan di pertunjukan-pertunjukan antarabangsa. Dengan yang demikian, saya menyeru kepada semua penduduk di sekitar kawasan ini, dengan adanya bengkel Koperasi Industri Kampung ini, akan dapat memperbanyakkan lagi penghasilan kraftangan yang dibuat daripada sumber yang boleh diperolehi dari kawasan kita sendiri tanpa mengeluarkan perbelanjaan yang banyak.

4. Dengan banyaknya permintaan dan pesanan bagi barang-barang yang diperbuat daripada tembikar, maka sudah wajarlah bagi kita mempunyai Bengkel ini yang telah disediakan oleh Kerajaan lengkap dengan serba-serbinya, bagi memudahkan kita membuat bahan-bahan mengikut tempahan dengan tujuan mengeluarkan hasil yang banyak dengan bermutu tinggi dan dengan perbelanjaan yang sederhana. Ini sudah menjadi hasrat Kerajaan kita hendak membawa perubahan dan pembaharuan kepada masyarakat kampung dengan membawa perusahaan ke tempat mereka tinggal. Oleh itu, kita haruslah bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala dengan nikmat yang telah kita terima dan yang akan kita terima.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Saya telah difahamkan bahawa Bengkel ini telahpun menjalankan perusahaannya semenjak pertengahan tahun 1985. Ahli-ahlinya telah bertambah dari semasa ke semasa. Latihan-latihan kepada ahli-ahli yang berusaha telahpun diadakan oleh pihak yang berkenaan. Di sini sukalah saya

merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memimpin pengusaha-pengusaha di Bengkel ini.

6. Sukalah saya menyeru kepada kaum belia dan beliawanis, yang ada di kawasan ini supaya mereka sama-sama melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan membuat perusahaan tembikar ini. Rebutlah peluang dan kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan di tempat kita ini. Dengan berbuat demikian, belia dan beliawanis tidaklah payah berpindah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan di kilang-kilang dan sebagainya.

7. Sempena dengan Majlis ini, saya ingin mengambil kesempatan ini dengan meminta ahli-ahli Jawatankuasa yang inengendalikan perjalanan Bengkel ini, dan ahli-ahli Koperasi supaya berusaha dengan sedaya-upayanya menjaga organisasi kita ini, supaya ia bertambah maju dan kukuh dari semasa ke semasa. Kita seharusnya xnenankan semangat kepada semua ahli sama ada yang berusaha, ataupun ahli-ahli koperasi yang menjadi penyokong serta penduduk-penduduk di sekitar kawasan ini supaya mereka mempunyai perasaan kasih sayang terhadap organisasi ini. Kita mestilah menganggap bahawa bangunan dan peralatan yang dibekalkan oleh Kerajaan seperti hak kita sendiri yang boleh digunakan berpanjangan dengan raendatangkan faedah, bukan sahaja kepada satu golongan tertentu tetapi kepada semua masyarakat yang terlibat.

8. Kepada pihak yang membimbing dan memberi tunjuk-ajar serta melatih pengusaha-pengusaha di Bengkel ini, seperti Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, KEMAS dan Iain-lain Jabatan yang terlibat, saya berharap agar mereka dapat memberi penekanan bukan sahaja kepada nilai kecantikan yang ada pada sesuatu barang tetapi kita juga harus menitik-beratkan nilai komersial supaya barang-barang yang dihasilkan oleh penduduk-penduduk kampung dapat dipasarkan secara meluas di dalam dan di luar negeri. Dalam hal ini, perkara seperti rekabentuk dan rekacorak yang baru hendaklah

diberi perhatian dan bimbingan mengikut kehendak dan selera pembeli-pembeli. Kita perlu pastikan bahawa mutu keluaran kita itu tetap tinggi hingga kepada pembungkusan dan kotaknya. Dengan berbuat demikian, hasil-hasil kerja kita itu akan mendapat pasaran dengan cepat dan faedahnya dapat kita nikmati.

9. Sekian sahaja, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Ketua-Ketua Jabatan, kakitangan-kakitangan Kerajaan dan saudara-saudari kita yang telah bersusah payah menyediakan dan mengelolakan Majlis ini. Dengan lafaz, 'Bismillah hirrahmanirrahim' saya dengan rasminya membuka Bengkel ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

\*\*\*\*\*